

D962

U B530 DEB
MAHATHIR - TELADAN R R R

KUALA LUMPUR, 27 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYAMBUK BAIK LANGKAH KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MENGADAKAN MAJLIS BERBUKA PUASA YANG DIHADIRI OLEH PENGANUT SEMUA AGAMA.

+ INI ADALAH SATU TELADAN DAN PETANDA YANG BAIK KERANA DI DALAM NEGARA BERBILANG KAUM INI KITA TIDAK SEHARUSNYA MENGASINGKAN DIRI ANTARA PENGANUT SATU AGAMA DENGAN PENGANUT AGAMA YANG LAIN, + KATANYA PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DI PUSAT PEMULIHAN CERAS DI KM 18 JALAN CERAS DI SINI MALAM INI.

MAJLIS ITU, YANG DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 400 ORANG JEMPUTAN DAN PENGHUNI RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN DI SELANGOR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA MAJLIS SEUMPAMA ITU ELOKLAH DIADAKAN DALAM UPACARA-UPACARA YANG TIDAK MERUPAKAN UPACARA AMAL IBADAT SEPERTI MAJLIS MAKAN DIHADIRI OLEH SEMUA KAUM DAN PENGANUT AGAMA TERUTAMA DI KALANGAN MEREKA YANG MEMPUNYAI TUGAS YANG SAMA.

+ TUGAS YANG SAMA DIMAKSUDKAN DI SINI IALAH TUGAS KITA UNTUK MENOLONG KAWAN-KAWAN KITA YANG TIDAK BERNASIB BAIK, YANG MALANGNYA CACAT DARI BEBERAPA SEGI, + TAMBAHNYA. -- LAGI.
2219MST 27 05 86

R B533 DEB
MAHATHIR - TELADAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BAHAWA AMAT TEPAT DAN BERSESUAIAN SEKALI MAJLIS SEPERTI ITU DIADAKAN PADA BULAN PUASA.

BERPUASA, UMPAMANYA, AKAN MEMBOLEHKAN PELAKUNYA MEMAHAMI TENTANG KEPERITAN KERANA TIDAK MENDAPAT MAKAN PADA TEMPOH BEBERAPA JAM.

+RASA KELAPARAN ITU AKAN MENINGATKAN KITA TENTANG ADANYA ORANG LAIN YANG MUNGKIN TIDAK MENDAPAT MAKANAN SECUKUPNYA SEPERTI YANG KITA DAPAT, DAN MEREKA MENDERITA KERANA KELAPARAN, KEBULURAN, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA INI BERNASIB BAIK KERANA KEBULURAN TIDAK BERLAKU.

+INI BUKAN SAHAJA KERANA NEGARA INI MEMPUNYAI MAKANAN YANG CUKUP TETAPI MEMANG MENJADI SATU DARIPADA ADAT KITA DI SINI -- TIDAK AKAN MAKAN SENDIRI SEMENTARA JIRAN MERASAI KELAPARAN.

+KITA SANGGUP MEMBAHAGI-BEDAK MAKANAN YANG KITA PUNYAI DENGAN JIRAN-JIRAN KITA YANG TIDAK BERNASIB BAIK,+ KATANYA. -- LAGI
2244MST 27 05 86

R B534 DEB
MAHATHIR - TELADAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP SEUMPAMA ITU AKAN MEMBAWA KESAN YANG BAIK KEPADA MASYARAKAT YANG MANA KETIDAK-ADILAN TIDAK BERLAKU DENGAN BEGITU KETARA.

+JADI TENTULAH ELOK IAITU PADA BULAN PUASA INI KITA MENGADAKAN MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA DENGAN MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK SUPAYA KITA DAPAT MEMPERINGATI DIRI KITA AKAN TUGAS KEPADA KEPADA MASYARAKAT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA IA JUGA AKAN MENGAJAR KITA SUPAYA MEMPERBAIKI PERHUBUNGAN SESAMA UMAT ISLAM SERTA DENGAN MEREKA YANG BUKAN ISLAM. -- BERNAMA
2256MST 27 05 86